

DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

(BIDANGKUASA RAYUAN)

**RAYUAN SIVIL NO. 02(f)-46-09/2020(W)**

**ANTARA**

**TAN SRI DR. MUHAMMAD SHAFEE**

**ABDULLAH**

**.. PERAYU**

**DAN**

**1. TOMMY THOMAS**

**2. TAN SRI VADAKETH CHACKO GEORGE**

**3. MALAYSIAN BAR**

**4. CHRISTOPHER LEONG SAU FOO**

**(DISAMAN BAGI SEMUA PIHAK MAJLIS PEGUAM MALAYSIA  
TERMASUK DIRINYA SENDIRI)**

**RESPONDEN- RESPONDEN-**

**RINGKASAN MEDIA**

[1] Rayuan ini adalah berkaitan dengan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Bar Malaysia (responden ketiga) dan ahli-ahlinya di dalam menangani aduan salah laku terhadap ahli-ahlinya.

[2] Tuntutan perayu terhadap responden-responden berbangkit daripada penerbitan dan penyebaran usul bertajuk "Motion against Shafee

Abdullah" bertarikh 28.2.2015 yang telah dikemukakan kepada *Bar Malaysia* oleh Tommy Thomas (responden pertama) dan disokong oleh Tan Sri VC George (responden kedua).

[3] Pada 9.3.2015, *Bar Malaysia* telah menyebabkan usul tersebut diterbitkan di laman webnya, iaitu di <http://www.malaysianbar.org.my> yang bertajuk "Agenda dan Usul untuk Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia ke-69" yang boleh diakses oleh kira-kira 15,000 ahli *Bar Malaysia*. Usul tersebut telah ditetapkan untuk dibentang pada Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") yang dijadualkan pada 14.3.2015.

[4] Perayu menjawab usul tersebut dengan memfailkan tindakan sivil terhadap responden-responden berdasarkan kesalahan memfitnah, perlanggaran undang-undang dan konspirasi untuk memfitnah. Pada masa yang sama perayu juga memfailkan permohonan ex parte untuk perintah injunksi sementara untuk menghalang pembentangan usul tersebut. Permohonan perayu dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 13.3.2015, sehari sebelum AGM diadakan.

[5] Rayuan di dalam kes ini hanyalah berkaitan dengan persoalan samada responden-responden bertanggungjawab atas kesalahan tort bagi perlanggaran obligasi yang yang diperuntukkan di bawah undang-undang dan bukannya atas sebab tindakan-tindakan yang lain, iaitu fitnah dan konspirasi untuk memfitnah. Rayuan ini juga tidak berkaitan dengan persoalan samada perayu telah melakukan salah laku atau tidak. Ini adalah perkara yang akan ditentukan oleh Lembaga Tatatertib dalam proses tatatertib yang sedang berjalan terhadap perayu sekarang.

[6] Seksyen 99 (1) Akta Profession Undang-Undang 1976 ("LPA") memperuntukkan bahawa apa-apa aduan mengenai kelakuan mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana pelatih hendaklah secara bertulis dan hendaklah terlebih dahulu dibuat atau dirujuk kepada Lembaga Tatatertib. Bertentangan dengan kehendak undang-undang ini, Tommy Thomas dan Tan Sri VC George telah mengusulkan kepada *Bar Malaysia* di bawah seksyen 64 (6) LPA supaya perayu di kutuk "sekeras-kerasnya" atas aduan salah laku beliau.

[7] Selain daripada penggunaan prosedur yang salah oleh Tommy Thomas dan Tan Sri VC George di dalam mengemukakan aduan salah laku terhadap perayu, *Bar Malaysia* melakukan pelanggaran undang-undang yang jauh lebih serius apabila menerbitkan usul tersebut di laman web dan membentangkannya untuk resolusi di AGM. Ini bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi juga sangat tidak adil dan memudaratkan perayu kerana ia menimbulkan satu prasangka ke atas perayu dalam prosiding tatatertib di hadapan Lembaga Tatatertib yang telah dirujuk oleh *Bar Malaysia* kepada Lembaga tersebut.

[8] Aduan salah laku yang dibuat melalui usul di bawah seksyen 64 (6) LPA menjadikan seksyen 99(1) tidak bermakna dari segi undang-undang kerana ini akan membenarkan aduan mengenai kelakuan peguam bela dan peguam cara dibuat secara terus kepada *Bar Malaysia* dan akan diputuskan melalui satu usul tanpa terlebih dahulu merujuk aduan itu kepada Lembaga Tatatertib.

[9] Mahkamah ini tidak akan membenarkan ini berlaku kerana ia merupakan pelanggaran undang-undang yang jelas oleh *Bar Malaysia* sebagai penjaga ('custodian') LPA.

[10] Apabila undang-undang menetapkan tanggungjawab ke atas badan tertentu untuk menangani sesuatu perkara, perkara itu hendaklah diserahkan kepada badan tersebut untuk menanganinya. Dalam konteks kes ini, badan yang telah dipertanggungjawabkan oleh undang-undang untuk menangani semua perkara berkaitan dengan tingkah laku peguam bela dan peguam cara adalah Lembaga Tatatertib dan bukannya *Bar Malaysia*. Oleh itu berdasarkan peruntukan seksyen 99 (1) LPA yang jelas, *Bar Malaysia* tidak mempunyai apa-apa hak di bawah undang-undang untuk menangani sebarang aduan salah laku oleh peguam bela dan peguam cara, sama ada melalui usul di bawah seksyen 64 (6) atau dengan cara yang lain.

[11] Kuasa untuk mendisiplinkan peguam bela dan peguam cara terletak hak kepada Lembaga Tatatertib dan kuasa ini hendaklah dilaksanakan oleh Lembaga Tatatertib dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. *Bar Malaysia* tidak terikat dengan peraturan-peraturan ini dan ini akan memudaratkan peguam bela yang berdepan dengan dakwaan salah laku kerana terpaksa pula berhadapan dengan *Bar Malaysia* di mana rakan-rakannya di dalam *Bar Malaysia* bebas untuk mengutuknya dengan sekeras-kerasnya atas aduan salah laku terhadapnya.

[12] *Bar Malaysia* jelas mempunyai pengetahuan tentang prosedur yang betul di dalam menangani aduan salah laku terhadap ahli-ahlinya. Oleh itu, tindakan *Bar Malaysia* di dalam kes ini yang membenarkan usul yang dikemukakan oleh Tommy Thomas dan Tan Sri VC George untuk dibentang dan diputuskan di AGM tanpa merujuk terlebih dahulu kepada

Lembaga Tatatertib bukanlah sesuatu tindakan yang wajar dilakukan olehnya.

[13] Pelanggaran oleh *Bar Malaysia* terhadap seksyen 99 (1) LPA ini memberi hak kepada perayu untuk mendapatkan remedi. Kami tidak dapat menerima hujahan *Bar Malaysia* bahawa tidak ada kerugian yang dialami oleh perayu disebabkan oleh pelanggaran undang-undang tersebut. Kami juga tidak menerima hujah responden-responden bahawa tindakan perayu telah menjadi akademik dengan alasan bahawa usul itu tidak dibincangkan di AGM dan bahawa aduan salah laku oleh perayu telah dirujuk ke Lembaga Tatatertib.

[14] Oleh itu, rayuan ini dibenarkan tanpa perintah mengenai kos. Keputusan Mahkamah Rayuan diketepikan dan tuntutan perayu adalah dibenarkan. Kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk penaksiran ganti rugi terhadap Peguam Malaysia (responden ketiga) oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

[15] Kami tidak membuat perintah yang sama terhadap Tommy Thomas (responden pertama) dan Tan Sri VC George (responden kedua) kerana tidak seperti *Bar Malaysia*, mereka bukanlah badan berkanun yang terikat dengan seksyen 99 (1) LPA.

**Mahkamah Persekutuan Malaysia**

**Bertarikh: 20 Oktober 2021.**